



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 2 RABU 12 JANUARI, 1966. 1385 رابو 20 رمضان PERCHUMA

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI:

Usol Pembinaan Rumah2 Murah Untuk Ra'ayat Di-Luluskan

BANDAR BRUNEI. — Persidangan (Belanjawan) Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah diadakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, selama tiga hari mulai pada 20 Disember dan di-tangguhkan pada petang 23 Disember yang lalu telah di-sambung sa-mula pagi ke-marin.

Persidangan tersebut, di-pimpin oleh Dato Speaker Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, di-mulai dengan mengadakan istiadat mengangkat sumpah oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Awang Mohamed Taib bin Awang Besar.

Dalam persidangan-nya ke-marin, Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah meluluskan dengan sa-bulat suara satu daripada usol2 yang di-binchangkan dalam persidangan itu.

Usol tersebut di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, telah memohonkan kapada Kerajaan supaya dapat

mengadakan sa-buah projek membina rumah2 murah untuk ra'ayat negeri ini, terutama bagi penduduk2 luar bandar.

Sa-belum usol itu di-luluskan, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof telah memberi penerangan2 mengenai kebaikan, faedah, sistem dan chara2 bagaimana projek perumahan yang di-chadangkan itu dapat di-laksanakan.

Dalam penerangan-nya juga, antara lain, beliau telah menyen-toh mengenai kawasan2 di-selu-roh negara yang boleh di-buka untuk di-jadikan tempat2 perumahan dan bentuk2 serta harga2 rumah yang sesuai bagi tiap2 peringkat ra'ayat negeri ini.

Persidangan tersebut telah di-tangguhkan pada petang ke-marin dan akan di-sambung sa-mula pada jam 9 pagi hari ini.

Wakil2 Brunei Berangkat Ka-Pertandingan Bachaa Al-Koran Di-K.L.

BERAKAS. — Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Juma'at yang lalu untuk hadir di-majlis Pertandingan Bachaa Al-Koran Peringkat Kebangsaan dan Antara Bangsa, sebagai mewakili Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin yang telah tidak da-

pat berangkat ka-Kuala Lumpur.

Wakil2 Brunei ka-Pertandingan Bachaa Al-Koran Antara Bangsa telah juga berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari tersebut.

Mereka ia-lah Awang Abdullah bin Lakim (Johan Bahagian Lelaki dalam Pertandingan Bachaa Al-Koran Sa-Negeri Brunei Tahun 1965/1385); Awang Abdul Hamid bin Munap (Naib Johan Bahagian Lelaki dalam Pertandingan Bachaa Al-Koran Sa-Negeri Brunei Tahun 1965/1385) dan Dayang Aminah binti Siling (Johan Bahagian Perempuan dalam Pertandingan Bachaa Al-Koran Sa-Negeri Brunei Tahun 1965/1385).

Turut berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari itu untuk hadir di-majlis Pertandingan Bachaa Al-Koran tersebut ia-lah Awang Abdullah bin Metassan (Pengurus rombongan) dan Dayang Misbah binti Maksin (selaku Pengiring kepada Dayang Aminah binti Siling).

Mereka di-jangka balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada petang hari Ahad 16 Januari, 1966.

Kuala Lumpur Bebas Dari Kolera

KUALA LUMPUR. — Kuala Lumpur telah di-ishtiharkan sebagai kawasan bebas daripada wabak kolera mulai 4 Januari, 1966.

Ibu Kota Malaysia tersebut telah

RUMAH BRUNEI DI- MEKAH dan MADINAH

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei akan membina 2 buah rumah di-Tanah Suchi untuk kegunaan Jema'ah2 Haji dari Brunei, tidak berapa lama lagi. Demikian kata Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dalam satu wawanchara dengan beliau pada hari Sabtu yang lalu.

Dalam wawanchara tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menerangkan bahawa rumah tersebut akan di-beri nama "RUMAH BRUNEI".

"Pada masa sekarang, Kerajaan Brunei sedang men-chari tapak tanah untuk pembinaan Rumah Brunei tersebut di-Mekah dan di-Madinah.

"Dengan ada-nya tempat kediaman itu, dapat-lah memberi pertolongan dan kemudahan yang besar kapada Jema'ah2 Haji dari Brunei yang menunaikan fardhu Haji di-Tanah Suchi," kata beliau.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah meluluskan usol yang tunggal dalam persidangan-nya di-Temburong Club pada pagi hari Ithnin 10 Januari, 1966.

Usol tersebut telah di-kemukakan oleh Awang Haji Bakar bin Baha dari Kawasan Puni yang men-chadangkan supaya Kerajaan akan dapat mengadakan sa-orang Bidan yang beragama Islam bagi tiap2 Kampong Melayu di-Daerah Temburong.

Majlis itu di-mulakan dengan bacaan Do'a Selamat oleh Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah telah memimpin majlis tersebut.



Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Chuchu bin Penglima Asgar, selaku Pemangku Pegawai Daerah Temburong, telah merasmikan pembukaan Majlis Sambutan Nuzul Al-Koran di-Masjid Pekan Bangar baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Awang Chuchu sedang memberi ucapan di-majlis tersebut.

Peraduan Cherpen Untuk Bachaan Kanak2 Anjoran D.B.P. Brunei

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 dalam Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk memasoki Peraduan Cherpen Untuk Bachaan Kanak2.

Sharat2 peraduan ada-lah seperti berikut:-

Peraduan ini terbuka kepada penulis2 dalam Negeri Brunei sahaja.

Cherpen untuk peraduan ini mesti-lah sesuai untuk bacha-

an kanak2 yang berumur 6 tahun hingga 10 tahun.

BAHAN2

Bahan2 cherpen mesti-lah merupakan chiptaan asli penulisnya sendiri dan belum pernah di-terbitkan melalui buku2 atau majallah2 atau di-siarkan melalui radio.

Panjang cherpen mesti-lah di-antara 1,000 dan 1,500 perkataan.

Setiap cherpen yang di-hantar untuk memasoki peraduan, hendak-lah di-sertakan dengan borang "PERADUAN CHERPEN KANAK2".

Cherpen hendak-lah di-tulis di atas kertas keping ukuran biasa (kertas kajang) pada sebelah muka sahaja.

Jika menggunakan mesin tulis (taip) buat-lah dengan jarak dua barisan ("double spacing") dan hendak-lah di-hantar sebanyak tiga salinan.

Peraduan cherpen ini akan di-tutup pada 31 Januari, 1966. Keputusan hakim dalam peraduan ini ada-lah mu'tamad dan sebarang bantahan tidak akan di-layani.

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan cherpen ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

HADIAH2

Hadiah2 akan di-berikan kepada pemenang2 yang berjaya. Cherpen hendak-lah di-hantar kepada:

PERADUAN CHERPEN BACHAAN KANAK2.
d/a Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei, Brunei.

PERINGATAN:

Pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik sechara langsung atau pun tidak langsung.

Malam Aneka Ria Dan Amal Kampong Sinaut

KAMPONG SINAUT. — Malam Anika Ria dan Malam Amal bagi menyambut Hari Raya Aidil-Fitri akan di-adakan di-Kampong Sinaut, Tutong, pada 26 dan 27 Januari, 1966.

Beberapa acara yang menarik perhatian akan di-adakan. Di-antara-nya Peraduan Nyanyian memilih Bintang Hari Raya, Ratu Aidil Fitri, Pakaian Beragam, Peaduan Bang (Azan), Sandiwara yang berjudul "Parang Pusaka", Tablo, Kebudayaan Lama akan di-persembahkan.

AWANG AIDIL FITRI

Selain daripada itu peraduan Awang Aidil-Fitri (peraduan badan chantek) yang terbuka kepada pemuda2 dan penduduk2 Daerah Tutong juga akan di-adakan.

Ada-lah di-harapkan sa-siapa yang ingin memasokki-nya dalam bahagian Awang Aidil Fitri sila-lah mendaftarkan diri kepada Awang Haji Ahim b. Hj. Ibrahim, d/a Pejabat Penyiaran dan Penerangan, Brunei, dan kepada Awg. Yahya bin Md. Said, d/a Pejabat Telikom, Tutong, tidak lewat dari 19/1/66. Orang ramai ada-lah di-jemput untuk menyaksikan-nya. — Ber'ta kiriman Awang Haji Ahim b. Haji Ibrahim, Setia Usaha, Sambutan Hari Raya Aidil Fitri, Kampong Sinaut, Tutong.

Majlis Pembukaan Rasmi Persatuan 3 PM Temburong

BANGAR — Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Chu-chu Penglima Asgar telah merasmikan Pembukaan Persatuan Pemuda Pemuda Melayu, Temburong (3PM) pada 23 Disember, 1965 jam 8.30 malam bertempat di-Dewan Kelab Temburong dengan di-hadhiri oleh belia2 dari Daerah Temburong serta para jemputan khas.

Dalam ucapan Awang Chu-chu di-majlis tersebut, antara lain kata beliau, "Sa-tahu saya baru julong2 kali ini-lah Daerah ini menubuhkan satu Persatuan yang terdiri daripada para2 belia yang sedar terhadap tanggung jawab mereka.

"Hendak-nya Persatuan ini akan memberikan bakti2 dan chendramata atau sisa2 ketulusan hati terhadap Daerah yang terpenchil ini."

Beliau juga berseru kepada belia2 3PM, akan dapat bekerja sama membangunkan atau memajukan Daerah Temburong khusus-nya Negara Brunei yang terchinta ini umum-nya, serta menjalankan kewajipan dan tugas atau tanggung jawab mereka terhadap Negara kita yang maseh lagi jauh tertinggal dalam segala bidang.

Di-akhir ucapan Awang Chu-chu, beliau juga menasihatkan kepada para belia supaya benar2 bertugas kepada satu2 Pentadbiran dalam Persatuan dan jalankan-lah dengan sa-tulus2 hati.

Turut juga memberikan ucapan dalam majlis tersebut ia-lah Yang Di-Pertua Persatuan 3PM, Awang Yazid bin Ibrahim.

Istiadat menaborkan beras kuning sebagai mengishtiarkan Penubohan Persatuan 3PM telah juga di-jalankan di-majlis tersebut.

Di-akhiri majlis itu Do'a Selamat telah di-bachakan oleh Imam Masjid Bangar, O.K.S. Haji Abd. Rahman — Berita kiriman Awang Md. Yusof Haji Misir, Setia Usaha Agong, Persatuan 3PM, Temburong.

Menggunakan

Bahasa Melayu

Sa-tiap Masa

Beretti Menghormati

Perlembagaan Negara

MASHUARAT AGONG TAHUNAN PERSATUAN BAKTI BRUNEI

KAMPONG PEKAN LAMA. — Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibonda (rengkas-nya "BAKTI") telah di-adakan baru2 ini bertempat di-bangunan Ibu Pejabat Sementara Persatuan BAKTI, ia-itu di-Balai Ibadah Kampong Pekan Lama Brunei.

Mashuarat itu telah di-hadhiri oleh sabilangan besar dari ahli2 Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibonda (BAKTI) dan di-pengerusikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Bakti, 1965, Ak. Shamsu Pengiran Hj. Kadar.

Laporan Tahunan dari Setia Usaha Agong telah di-bahagikan kepada sa-tiap ahli yang hadir kadalam mashuarat itu.

Kunchi kira-kira wang keluar masuk Persatuan BAKTI telah juga di-bahagikan pada hari mashuarat itu.

Tujuan besar-nya mashuarat itu di-adakan ia-lah untuk membubarkan Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir 1965 dan melantek ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir 1966.

PEGAWAI2 BARU

Pegawai2 Baru Persatuan Bakti Tahun 1966 yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ia-lah:-

Yang Di-Pertua — Awangku Shamsu Pengiran Hj. Kadar; N/Yang Di-Pertua I — A. Maily Sulaiman; N/Yang Di-Pertua II — Dayang Julia Ahmad.

Setia Usaha Agong — Awangku Badaruddin Pengiran Haji Damit; N/Setia Usaha Agong I — Pengiran Halus Pengiran Haji Kadar; N/Setia Usaha Agong II — Dayangku Aishah Pengiran Md. Said.

Bendahari Kehormat — Awangku Hassan Pengiran Md. Yusof; N/Bendahari Kehormat — Awangku Zaidi Pengiran Mohammad.

S/Usaha Pelajaran & Persuratan — Awangku Mohammad Pengiran Tuah; N/Setia Usa-

ha Pelajaran & Persuratan — Awangku Mahmud Pengiran Damit.

S/Usaha Kesenian dan Kebudayaan — Dayangku Armah Pengiran Bakar; N/Setia Usaha Kesenian & Kebudayaan — Awangku Yussof Pengiran Salimin.

Setia Usaha Sosial — Awangku Metassan Pengiran Bakar; N/Setia Usaha Sosial — Dayang Salmah Awang.

Setia Usaha Penerangan — Awang Md. Ali Abd. Razak; N/Setia Usaha Penerangan — Dayangku Sarbanun Pengiran Semaun.

Pemereksa Kira - Kira I — Awangku Bakar Pengiran Abd. Rahman; Pemereksa Kira-Kira II — Awangku Adanan Pengiran Abbas; Berita Kiriman — Awangku Badaruddin Pengiran Haji Damit, Setia Usaha Agong, Persatuan BAKTI, Brunei.

HALAMAN UGAMA

Mengetahui Awal Ramadhan dan Awal Shawal

UNTOK mengetahui dan menentukan awal bulan Ramadhan dan awal bulan Shawal, hendaklah dengan melihat anak bulan pada malam yang ketiga puluh daripada bulan Sha'aban dan malam yang ketiga puluh daripada bulan Ramadhan, kerana bulan2 Islam ada kala-nya 30 hari dan ada kala-nya 29 hari sahaja.

Ini-lah yang di-maksudkan menentukan awal bulan Ramadhan dan awal bulan Shawal dengan "ro'wah" erti-nya "melihat bulan". Kerana itu sa-tiap menjelang-bulan Puasa dan Hari Raya, ahli2 agama yang terdiri daripada alim ulama'-nya, terutama pehak kadhi2 dan mereka yang memegang teraju hal ehwal agama, berusaha sa-daya upaya untuk melihat awal bulan, berdasarkan Sabda Nabi Mohammad s.a.w. yang erti-nya:-

"Berpuasa-lah kamu sa-waktu melihat-nya (anak bulan Ramadhan) dan berbuka-lah (berhari raya) kamu sa-waktu melihat-nya (anak bulan Shawal), maka jika terlindung oleh awan (sehingga kamu tidak dapat melihat-nya) hendaklah kamu sempornakan bilangan Sha'aban 30 hari".

Maka melihat anak bulan itu sa-patut-nya hendaklah di-tetapkan pada tiap2 29 haribulan Islam malam 30 haribulan Islam. Dengan demikian, apabila telah dapat di-tetapkan awal tiap2 bulan Islam, akan senang pula menetapkan hari yang patut melihat anak bulan (ro'wah) untuk menetapkan awal Puasa dan awal Hari Raya.

Oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

Ada beberapa hari yang tidak di-haruskan sa-saorang itu berpuasa dalam Islam, erti-nya jika sa-saorang itu berpuasa pada hari2 yang di-tegah berpuasa itu, sia2-lah perbuatan-nya itu, dan hukum-nya dalam ugama Islam "Haram" orang yang melakukan puasa itu, dan dengan demikian ia mendapat dosa, walau pun puasa itu Puasa Nazar* yang di-lakukan-nya pada hari2 yang di-tegah itu.

Hari2 yang di-tegah orang berpuasa pada-nya ia-lah:

1. Hari Raya Puasa (Idil Fitri).
2. Hari Raya Haji (Idil Adzha).
3. Puasa pada 3 hari "Tashrik", iaitu 3 hari sa-telah Hari Raya Haji, 11-12 dan 13 Dzul Hijjah.
4. Puasa pada hari "Shak", iaitu hari 30 Sha'ban tetapi maseh di-ragu2-kan, sama ada pada hari itu awal Ramadhan atau maseh akhir bulan Sha'ban.

PENERANGAN LANJUT:

PUASA NAZAR

* Maksud "Puasa Nazar" yang di-lakukan pada hari yang di-tegah berpuasa, yang kita tahu biar pun puasa Sunat, tetapi kalau di-nazarkan (dinatkan), puasa sunat itu menjadi wajib. Seperti kata Ahmad kalau aku berjaya dalam pereksa akhir tahun ini aku akan bernazar puasa sa-hari = Puasa itu wajib di-lakukan-nya, apabila ia benar2 berjaya dalam peperiksaan yang telah di-hadapinya. Tetapi kalau ia berkata:

Kalau aku berjaya dalam peperiksaan akhir tahun ini aku akan berpuasa pada Hari Raya Idil Fitri yang akan datang. Maka sia2-lah puasa yang di-lakukan pada Hari Raya itu (kerana ia terjumlah daripada hari2 yang di-tegah berpuasa), bahkan ia mendapat dosa dengan perbuatan-nya itu.

HARI SHAK

\$ "Hari Shak" yang di-maksudkan, ia-lah bagi orang2 yang berjauhan daripada bandar dan tiada alat2 kemudahan daripada-nya. Umpama-nya pada malam tadi memang telah di-ketahui-nya ada rombongan ahli2 agama yang melihat bulan sama ada pada besok pagi-nya awal Ramadhan atau maseh dalam 30 haribulan Sha'ban. Sa-kiranya hingga pagi esok-nya ia belum mendapat khabar yang nyata (kerana tidak ada radio untuk mendengar siaran2), dan tidak ada orang2 yang sampai ka-kampung-nya memberitahukan sama ada pada hari itu telah masuk bulan puasa atau maseh lagi dalam bulan Sha'ban, maka haram bagi-nya puasa, kerana hari itu kapada-nya dinamakan "Hari Shak", iaitu hari yang maseh di-ragu2kan sama ada telah masuk ka-bulan Ramadhan atau maseh dalam 30 haribulan Sha'ban.

MENGAPA DI-HARAMKAN PUASA PADA HARI2 TERSEBUT?

Seperti yang telah kita tahu daripada renchana2 yang lalu, Puasa ada-lah satu ibadah atau amalan yang paling baik yang dapat mendekatkan antara makhluk (manusia) dengan Tuhan-nya. Tetapi mengapa pula ada hari2 yang di-haramkan jika sa-saorang itu melakukan puasa? Malahan barang siapa yang melakukan puasa pada hari2 yang tersebut di-atas tadi, ia ada-lah melakukan suatu dosa, amalan-nya tidak di-terima dan sia2.

Ada sebab2 mengapa hari2 yang telah di-tentukan itu di-haramkan pada-nya berpuasa, diantara sebab2 itu:

1. Pada Hari Raya Idil Fitri dan Idil Adzha, orang2 Islam pada dua hari raya tersebut hendaklah menurjukkan shukur, girang dan bersuka chita, dan merehatkan diri daripada penat dan letih berpuasa, dan pada hari itu-lah bersama2 dengan keluarga dan sahabat handai ziarah menziarahi berma'afan2 sambil mene'mati rezeki2 yang di-limpahkan oleh Tuhan.

Pada hari2 raya itu juga-lah sa-patut-nya orang2 Islam banyak mengeluarkan sedekah, dan memberi bantuan2 kapada fakir miskin, maka kalau ada yang berpuasa pada sa-hari Shawal atau pada 10 Dzul Hijjah itu sa-olah2 ia suka memencilkan diri-nya daripada masyarakat ramai yang sedang bersuka ria dan mendzahirkan keshukuran kapada Allah.

2. Pada 3 hari2 "Tashrik", iaitu 11-12 dan 13 Dzul Hijjah atau sa-telah Hari Raya Haji, di-haramkan berpuasa ia-lah kerana pada hari itu orang2 yang sedang menyempornakan Haji, sedang sibok dengan melakukan kerja2 Haji di-Mekah, dan kerana mereka itu musafir maka di-tegah mereka itu melakukan puasa.

(BERSAMBONG)

Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa

KUALA LUMPUR. — Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa telah di-langsungkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur mulai malam kelemarin dan akan tamat malam esok.

Terlebih dahulu telah di-langsungkan Pertandingan Bachaan Al-Koran Peringkat Kebangsaan di stadium tersebut.

Peserta2 yang berjaya dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran itu telah di-pilih mewakili Malaysia dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Peringkat Antara Bangsa.

Selain daripada mendapat hadiah2 wang tunai dan lain2-nya Peserta2 yang berjaya menjadi Johan dalam Bahagian2 Lelaki dan Perempuan akan di-beri peluang menunaikan fardhu Haji dengan perchuma serta melawat ke-negara2 Afrika bagi memperdengarkan suara mereka.

Radio Malaysia telah menyiarkan terus ka-udara Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa pada malam kelemarin.

Pada malam ini dan malam esok juga Radio Malaysia akan memancarkan terus ka-udara Pertandingan Bachaan Al-Koran itu mulai pukul 8.30 malam waktu Malaya (pukul 9 malam waktu Borneo) hingga selesai pertandingan bacaan Kitab Suchi itu.

Sementara itu Wakil2 dari Brunei ia-itu Awang Abdullah Lakim, Awang Abdul Hamid Munir dan Davang Aminah Siling telah tiba di-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Jumaat yang lalu untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa.

PERTANDINGAN BACHAAN KORAN PERENGKAT KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR. — Peserta2 yang mewakili negeri masing2 dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Peringkat Kebangsaan pada tahun ini ada-lah seperti berikut:

Kedah — Haji Ismail Hashim (Johan Kebangsaan dan Antara Bangsa tahun 1964-1965) dan Hajjah Normah Haji Mahmood.

Kelantan — Haji Abdul Hamid Awang dan Che Hasnah Kono.

Trengganu — Haji Mohammad Yusof Abdullah (Johan Kebangsaan tahun 1962 dan Naib Johan Peringkat Kebangsaan tahun itu juga) dan Hajjah Gayah binti Sulong (Naib Johan Peringkat Kebangsaan tahun 1965).

Pahang — Inche Romli Kasim dan Che Aishah Haji Abdul Rahim.

Perak — Inche Ahmad Tarmizi dan Che Zainun Yot.

Selangor — Wan Abdul Rahman bin Wan Awang dan

Che Holimah Imam Ta'at. Pulau Pinang — Haji Saidin Othman dan Che Rahdiah Abdul Rahman.

Negeri Sembilan — Inche Mohamed Shabrom Haji Amran dan Che Maimunah Othman.

Melaka — Haji Ali Haji Jus dan Che Hasnah binti Buang.

Perlis — Inche Mohamed Isab bin Che Mat dan Che Fatimah binti Nayan.

Sarawak — Inche Mohamed Salleh bin Boksi dan Che Balakish binti Saroji.

Sabah — Che Marsiah Md. Sharif dan sa-orang lagi.

Pengerusi Jema'ah Hakim Pertandingan tersebut pada tahun ini ia-lah Dato (Do'tor) Haji Abdul Jalil Hassan, Pengetua Kolej Islam, Malaya.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei:

SO'AL JAWAB BERTULIS

(SAMBONGAN)

So'al-an Oleh Yang Berhormat
Pengiran Mohd. Yusof bin
Pgn. Abu Bakar

SO'ALAN:

26. Ada-kah Kerajaan berchadang hendak membena sa-buah Lapangan Terbang Antara Bangsa? Atau ada-kah Kerajaan berchadang hendak membesarkan lagi lapangan terbang Berakas yang ada sekarang ini?

JAWAPAN KERAJAAN:

26. Kerajaan ada menugaskan Penasehat2 untuk menasehatkan sama ada mungkin dapat memperbaiki Lapangan Terbang yang ada sekarang dan meningkatkan darjat-nya kepada Lapangan Terbang Antara Bangsa, dan jika ini tidak mungkin, maka ia akan di-pinta menentukn di-mana tapak lapangan terbang yang baharu akan dibena.

SO'ALAN:

27. (a) Berapa kah banyak perbelanjaan yang telah di-untoakkan bagi membena Jalan Raya dari Sungai Liang ka-Labi?
(b) Berapa banyak yang sudah di-belanjakan?
(c) Ada-kah Kerajaan berpuas hati dengan kemajuan yang telah di-dapati?
(d) Bila-kah agak-nya jalan tersebut itu akan siap dan boleh di-gunakan oleh orang ramai?

JAWAPAN KERAJAAN:

27. (a) Perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk jalan raya ini ia-lah \$12,952,-

874.00.

- (b) Wang yang telah di-belanjakan ia-lah sebanyak \$2,-774.033.00.
(c) Dari pandangan Kerajaan kerja2 yang telah di-lakukan itu ada-lah memuaskan, apabila memandang kan kepada kesulitan2 yang telah di-hadapi semenjak-nya lepas sahaja daripada berlaku-nya pemberontakan, banyak pekerja2 telah di-tahan dan selain dari itu jentera2 yang bekerja di-sana terpaksa di-tarek untuk di-gunakan ditempat2 yang lain di-mana pekerjaan2 itu perlu di-siapkan dengan segera.
(d) Jalan raya ini akan siap di-bena di-dalam tempoh tiga tahun.

III. DASAR

Oleh Yang Berhormat
Awang R. D. Ross, P.O.A.S.

SO'ALAN:

28. Ganti Rugi.

Apa-kah yang telah berlaku tentang pembayaran ganti rugi bagi tuntutan2 yang di-buat akibat dari kerugian2 semasa berlaku-nya pemberontakan? Berapa banyak-kah wang yang telah di-bayar satakat ini dan berapa banyak-kah yang masih dalam pertelingkahan? Berapa banyak-kah tuntutan2 yang telah di-jelaskan dan berapa banyak-kah yang masih belum di-jelaskan? Bila-kah semua tuntutan2 itu akan di-jelaskan?

JAWAPAN KERAJAAN:

28. Segala tuntutan ka-atas segala kerugian2 yang berlaku di-sebabkan oleh pemberontakan hendak-lah di-kemukakan kepada Kerajaan tidak lewat dari 31hb. August, 1963, dan pada tarikh tersebut sa-banyak 382 tuntutan telah di-terima. Dari Jumlah ini sa-banyak 316 tuntutan telah di-timbangkan oleh Jawatan Kuasa Tuntutan Ganti dan yang baki-nya sa-banyak 66 tuntutan akan di-pertimbangkan sa-telah segala penyiasatan2 ka-atas-nya selesai. Sa-takat ini sa-jumlah \$190,214.05 wang tunai telah di-bayar kerana tuntutan2 ini. Ada-lah di-harapkan bahawa kesemua tuntutan2 itu akan selesai di-rundingkan di-dalam masa yang sa-singkat2-nya.

SO'ALAN:

29. Penyata Tahunan.

Bila-kah Penyata Tahunan bagi tahun 1963 akan di-keluarkan, juga bagi tahun 1964 dan kenapa lewat? Tidak-kah ada sekarang satu sistem dengan mana Penyata Tahunan boleh di-keluarkan dalam tempoh katakan 5-6 bulan selepas penghujung tahun? Jika tidak boleh-kan satu sistem yang serupa itu di-adakan?

JAWAPAN KERAJAAN:

29. Laporan Tahunan bagi tahun 1963 telah pun di-keluarkan pada akhir bulan October yang baharu lalu dan bagi tahun 1964 ada-lah di-harapkan supaya di-keluarkan di-waktu yang

sa-singkat2-nya. Kelambatan pengeluar laporan2 ini adalah di-sebabkan sesuatu sebab dan ke-adaan yang tidak boleh di-elakkan dan amat2 di-kesali. Kerajaan berharap dan berazam untuk melekaskan pengeluaran laporan2 bagi tahun2 yang akan datang dengan iebeh lekas lagi.

SO'ALAN:

30. Pertahanan Awam.

Sungguh pun tidak begitu mustahak di-segerakan kita mesti-lah bersedia dan oleh itu dapat-kah Kerajaan menimbangkan penubuhan sa-buah Pertubuhan Pertahanan Awam yang sesuai dengan sertamerta dengan kakitangan2 yang berkelayakan?

JAWAPAN KERAJAAN:

30. Belum ada niat Kerajaan untuk menubuhkan Pertubuhan Pertahanan Awam (Civil Defence Organization).

SO'ALAN:

31. Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Ada-kah Kerajaan menimbangkan bagi di-namakan orang2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai untuk di-lantek ka-Surohanjaya Perkhidmatan Awam selain dari orang2 yang dalam jawatan2 Kerajaan. dan jika sedemikian, bila-kah perkara ini akan di-lakukan? Jika tidak, ada-kah apa2 sebab yang menyebabkan hal ini tidak dapat di-lakukan—

JAWAPAN KERAJAAN:

31. Lantekan ini ada-lah dalam kuasa Duli Yang Maha Mulia sendiri.

(BERSAMBONG)

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

(SAMBONGAN)

oleh Ibrahim Mohd. Said

Dahasa dunia sesungguh-nya dalam keseluruhan-nya belum-lah sempurna dalam pengkajian dan pengasingan jenis-nya, malah jauh lebeh sedikit yang telah dapat di-perkatakan apa-kah bentuk dan bunyi bahasa juga lidah sebutan mithal-nya bahasa2 orang Indian di-Amerika, bahasa2 Negro Afrika, bahasa2 penduduk peribumi Australia atau Irian, dan beberapa bahasa yang di-pertuturkan oleh berjuta2 penduduk2 pendalaman Asia yang berbagai2 bangsa pula.

Bahasa2 Eropah, di-kawasan laut Tengah dan Timur dekat, malah telah juga di-ketahui, adalah di-kenali sebagai bahasa yang telah mempunyai chatatan tertulis yang lama waktu-nya. Bahasa2 ini telah hampir2 sempurna permissahan jenis-nya dalam kumpulan kekeluargaan-nya, hal mana telah berdasar daripada fungsi2 sejarah yang tertentu mengenai "Languestic".

IMPIAN AHLI2 BAHASA

Memang lama-lah telah menjadi impian ahli2 bahasa untuk mengesan bahasa jauh ke-dasar-nya, jauh kepada puncha asli-nya di-mana bahasa itu tumbuh dan berkembang. Perchubnaan2 dari pengesan ini sesungguh-nya masih sebagai belum membuahkan hasil2 yang sempurna.

Perubahan2 yang begitu pesat bagi sesuatu bahasa aliran waktu sejarah

menurut hukum2 dan proses yang sempurna untuk mengetahui dengan jelas bagaimana-kah bentuk dan keadaan suatu bahasa yang ada sekarang ini pada waktu lima ribu, seribu malah tiga ratus tahun yang silam, pengkajian yang mendalam dan sempurna sechara pemisahan rumpun dan kekeluargaan dari mana pokok atau dasar sesuatu bahasa sesungguh-nya menjadi amat kusut di-sini.

Sesuatu yang mengenai dasar penyatuan, menyatakan suatu turunan kebiasaan, akan membabitkan perasaan dasar lidah dari satu turunan yang sama meskipun sebutan telah jauh berbeza, sebagai yang terdapat dalam rumpun2 bahasa Indo-European seperti bahasa2 Inggeris, Russia, Irish, Sepanyol, Yunani (Greek), Albania, Farsi dan Hindustani. Lain-nya meskipun telah terpisah benar, tetapi perkataan asal — dalam kata dasar yang sama menunjukkan suatu yang ada penyatuan asal-nya di-jumpai pula pada bahasa2 seperti Arab, Yahudi. Amharic (Habshah atau Ethiopia), dan bahasa2 purba dari pertuturan penduduk2 Babylonia, Assyria, Phoenicia dan Carthage.

Demikian pula bahasa2 Finns, Hungaria, Turkey dan kebanyakan dari bahasa da'erah Russia di-Asia ada-lah di-satukan suatu rumpun sebagai unit ke-tiga; hal mana dalam perkara2 ada pula keragu2an tentang ada-nya pertalian ka-keluargaan bahasa2 Finns (bahasa penduduk Finlandia) dan Hungaria dengan rumpun bahasa Turkey.

Suatu rumpun lain yang mempunyai hubungan ka-keluargaan, adalah bahasa2 yang di-pertuturkan oleh penduduk da'erah Tenggara Asia, ini

termasuk-lah bahasa Tionghua, Burma, Thai (Siam) dan Tibet, bahasa dalam rumpun ini-lah apa yang telah di-perkatakan dalam pembincaraan yang lalu sebagai bahasa rumpun Sino-Tibetan Language.

Hala keselatan semananjong India, terdapat-lah bahasa Dravibian. Digugusan pulau2 yang bertabor di-Semudara Pasifik; dari gugusan Pulau2 Nusantara Melayu, di-laut

China Selatan dan Semudara India, menghala kesemudara Pasifik Pulau2 Tahiti, Fiji, dan Hawaii terdapat-lah suatu rumpun bahasa yang di-namakan Melayu-Polenisia.

Dari pembicaraan yang lalu dan dalam lanjutan ini, dapat-lah kita menggambarkan sechara kasar tentang hubungan dalam ka-keluargaan bahasa2 dunia menurut pemisahan yang dapat di-atorkan sechara "Languistic-classification". Memang banyak benar bahasa2 yang belum sempurna pemisahan jenis-nya menurut rumpun asli dari mana bahasa itu berasal.

JAWATAN2 KOSONG — GURU UGAMA TERLATEH

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Ugama Terlatah di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur di-antara 18 hingga 45 tahun.
- Lulus Darjah khas Ugama Johor atau pun sebanding dengan-nya.
- Lulus Darjah V Seko'ah Melayu atau sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$211-220 x10-260-280-290x20-370-380x 20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Kontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubnaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah

dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Pejabat Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 20 Februari, 1966.

Dunia Hari Ini:

RAMALAN TAHUN 1966

oleh Hanafi Ioffri

Suasana tahun baharu 1966 baharu sahaja kita ne'mati, ia-itu perantaraan kurang dari dua minggu dari hari ini, dan sudah tentu-nya perjalanan tahun 66 untuk menchapai akhir bulan Disember, serupa dengan keadaan tahun yang kebelakangan. Dalam lain2 perkataan dari satu tahun untuk menchapai ka-satu tahun yang lain, ada-lah memakan waktu yang sama, kalau tidak pun sa-hari perbezaan-nya, seperti 365 dan 366 hari.

Tetapi yang menjadi perhatian umum bukan-lah waktu atau masa pe-antaraan yang menghubungkan antara awal bulan Januari satu2 tahun dengan akhir bulan Disember dalam tahun itu, malahan yang menjadi renongan umum ia-lah peristiwa, perkembangan dalam semua lapangan yang mengambil tempat dalam sa-tahun itu. Perkembangan yang mewujudkan sesuatu yang di-pentingkan oleh umat manusia di-dunia ini, perkembangan yang membuahkan sesuatu yang menjadi tentangan umat manusia, dan sebagai-nya menurut susunan perkembangan yang meletus di-tahun itu.

Biasa-nya, apabila tahun baharu menjelang, banyak ramalan awal telah di-buat oleh setengah2 pakar mengenai hal ehwal dunia, begitu juga hal-nya akan tahun 1966 ini.

PERTEMUAN

Menurut setengah2 diplomat dan pakar2 hal luar, bahawa tahun 66 ini, mungkin merupakan tahun yang besar arti-nya kepada dunia seluroh-nya, jika sesuatu tidak berhasil di-atasi, untuk mendapatkan keadaan dunia ini aman dan tenteram.

Ramalan ini telah di-buat-nya, setelah mereka membuat pertemuan dengan wartawan2 terkemuka di-Barat, yang mengutarakan beberapa soalan untuk pengetahuan umum.

Kalau pun tidak penting, tetapi sekurang2-nya ada baik-nya untuk di-ketahui terlebih dahulu akan kedudukan di-masa hadapan, kerana ke-banyakan dari laporan-nya yang akan nyata di-sepanjang tahun itu. Kerana ke-banyakan dari peristiwa yang akan mengambil tempat, mungkin terbit dari lanjutan masaalah2 dan ketegangan yang sudah pun wujud hari ini.

Apa yang di-ketahui, bahawa satu daripada masaalah2 utama itu ia-lah mengenai krisis Vietnam.

Menurut setengah2 ramalan tadi, walaupun perundingan untuk menyelesaikan persengketaan Vietnam dapat di-mulakan dalam tahun 66 ini, peperangan mungkin berlaku terus untuk beberapa waktu. Ini dapat di-da-

sarkan kepada peperangan yang berlaku di-Korea, dalam mana Amerika menderita kemalangan berat, semasa rundingan di-jalanan dan sabelum-nya.

Kemudian pada malam ini chuba di-renong pula peristiwa yang akan menjadi perhatian para diplomat dan pakar2 antara bangsa, yang di-ramalkan berlaku di-setengah2 kawasan.

Dari beberapa buah kawasan, mereka telah memetik kawasan Asia yang pertama di-ramalkan. Kata-nya, dalam tahun ini China Kominis akan terus melanjutkan kebolehan-nya membena senjata2 nuklear, yang pada hakekat-nya sudah tentu menjadi perhatian berat dan ancaman kepada negara2 tetangga.

PERHUBONGAN

Dalam tahun ini juga, keanggotaan Peking ka-Bangsa2 Bersatu mungkin nyata, dan sabahagian dari hasil dugaan itu, Amerika mungkin melaksanakan daya usaha untuk merapatkan sedikit lagi hubungan seperti biasa-nya dengan China.

Satu daripada petunjuk yang di-berikan baharu2 ini, terbit dari pengumuman Washington, bahawa para doktor Amerika sekarang di-bebasan menjelajah ka-negeri China, jika China Kominis sedia menyambut baik.

Dalam pada itu, Jepon juga mungkin membuat satu usaha untuk mengadakan perhubungan dalam segi ekonomi dengan Soviet Union. Jepon juga di-ramalkan akan menguatkan lagi tentangan-nya terhadap ada-nya askar2 Amerika di-negeri Jepon, sementara penentangan Indonesia terhadap Malaysia mungkin berkurangan.

Di-Tashkent pula, rundingan2 antara India dan Pakistan yang sedang berjalan sejak minggu lepas, anjoran Soviet Union tidak mungkin membuahkan harapan baik dengan segera.

PERUNDINGAN

Ini di-sebabkan India tidak berubah dengan sikap dan pendirian-nya, bahawa wilayah Kashmir ada-lah sebahagian dari wilayah penyatuan-nya dan dari itu ia-nya tidak sesuai untuk di-jadikan tajok perundingan di-Tashkent.

Dari kegagalan itu, mungkin membawa Pakistan lebih rapat lagi kepada Peking. Tetapi kejayaan-nya mungkin memberikan kemenangan kepada Alexi Kossygin, Perdana Menteri Soviet dan peluang-nya untuk memberikan pengaruh yang lebih kepada India dan Pakistan. Dunia juga akan di-dorong untuk mengakui bahawa Soviet Union berjaya

menjadi pehak pendamai, tetapi kehormatan penuh mungkin jauh dari Washington.

Di-Eropah Timur, negara2 dibawah telunjuk Russia mungkin mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan Eropah Barat.

Dua daripada-nya seperti Jerman Timur dan Poland, mungkin menghadapi masaalah dalam negeri yang agak berat.

Kedudukan ekonomi luar biasa Jerman Timur menurut chara Russia itu nampak-nya akan membawa berlaku-nya kerumitan, sementara pehak yang ber-kuasa Poland sedar akan tidak kukuh-nya kedudukan dikalangan ra'ayat yang menyebabkan ia-nya bimbang Pope Paul membuat lawatan, yang akibat-nya rusohan akan meletus.

Di-Afrika pula, sekatan2 ekonomi terhadap kerajaan Salisbury pada mula-nya, dibayangkan mungkin terbukti memberikan kesan2 yang berat dari kehormatan yang di-lahirkan.

Tetapi jika Rhodesia, pimpinan Ian Smith itu harus dapat di-hanchorkan, ini mungkin membalek kepada Washington dan London, apabila ra'ayat Afrika bangun sa-mula mendesak supaya Barat juga patut membuat sekatan2 terhadap Afrika Selatan.

PERSEDIAAN

Di-Eropah Barat pula, Charles De Gaulle tidak mungkin meletak jawatan, tetapi ada kemungkinan dia mengendor atau sekurang2-nya mengurangkan sikap keras-nya terhadap Pasaran Bersama Eropah, menchukopi untuk persediaan bagi perkara2 penting-nya di-masa hadapan.

Charles De Gaulle mungkin berusaha memujuk Britain untuk menyertai Badan Ekonomi itu, tetapi Britain tidak mungkin pula dapat di-pujuk. Usaha Charles De Gaulle ini ada-lah untuk mengimbangkan dengan Jerman Barat.

Jerman Barat pula ada kemungkinan berusaha untuk mendapatkan perkongsian senjata2 nuklear dengan satu chara yang lain, memandangkan kepada usaha membentuk pasokan kuasa nuklear jumlah besar negara gagal.

Begitu-lah ramalan yang di-buat-nya di-lima buah kawasan Asia, India-Pakistan di-Tashkent, Afrika, Eropah Timur dan Barat, ia-itu sebahagian dari banyak lagi kawasan di-dunia ini.

Ada-lah kemungkinan yang di-ramalkan itu akan membuahkan apa yang sa-benar-nya di-sebutkan tadi, bergantung-lah kepada perkembangan yang melanda di atas waktu setahun 66 ini, yang akan berakhir penghujung bulan Disember nanti.

Perdana Menteri Shastri Meninggal Dunia

TASHKENT.—Perdana Menteri India, Lal Bahadur Shastri telah meninggal dunia di-Tashkent, Russia, pada kelemarin pagi sa-lepas menandatangani satu perjanjian dengan Presiden Ayub Khan dari Pakistan.

Ahli2 Parlimen Inggeris Melawat Brunei

BERAKAS. — Ketua Party Pembangkang Parlimen Inggeris dari Party Conservative, Awang Edward Heath telah melawat ka-Brunei pada hari Khamis yang lalu dalam bidang lawatan beliau ka-beberapa buah negara di-Asia.

Awang Heath telah di-iringi oleh dua orang Ahli2 Parlimen Inggeris dari Party Conservative, Awang Christopher Chataway dan Awang Anthony Barber.

Dalam masa lawatan yang singkat di-negeri ini, Awang Heath dan rombongan telah melawat ka-Ibu Pejabat Central Brigade di-Berakas dan juga ka-Ibu Pejabat Pasokan 2/6 Gurkha Rifles di-Seria.

Para pelawat itu telah tinggal di-Muara Lodge, Pekan Muara, ia-itu tempat kediaman rasmi Major General G. H. Lea, Pengarah Gerakan2 Borneo pada malam hari tersebut dan berlepas ka-Singapura pada ka-esokan hari.

S. R. C. Dapat Perisai Anchor

SERIA. — Pasokan Shell Recreation Club telah mengalahkan Pasokan Sekolah Chung Ching Seria dalam pertandingan akhir bola tampar bagi merebutkan Perisai Anchor.

Pertandingan tersebut telah di-tangsongkan di-Gelanggang Shell Recreation Club pada petang hari Selasa 4 Januari, 1966.

Awang Fong Kon Loi telah menyampaikan perisai kemenangan tersebut kepada Chow Kit Ying, Kapten Pasokan S.R.C.

Mashuarat Agong K.M.S.

SERIA. — Mashuarat Agong Klab Melayu Shell akan di-adakan di-dewan persatuan tersebut pada jam 4.30 petang hari Sabtu 29 Januari, 1966.

Di-antara acara2 yang akan di-adakan ia-lah mengisahkan minit Mashuarat Agong K.M.S. yang lalu dan lantikan Pegawai2 Baru.

Jawatan Kosong

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi beberapa jawatan kosong yang berikut di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:-

1. IMAM (4 jawatan).
2. KHATIB (2 jawatan).
3. BILAL (1 jawatan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun. Mereka hendak-lah tahu menulis dan membaca serta mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-minta.

Pepereksaan bertulis akan diadakan dalam perkara2 yang berikut:-

- (a) Ibadat, (b) Munakahat, (c) Jinayat dan (d) Tauhid.

Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:-

- (a) Bachaan Al-Quran;
- (b) Bachaan dalam sembahyang,
- (c) Khutbah (bagi Imam dan Khatib sahaja);
- (d) Tarhim (bagi Bilal sahaja).

Pegawai2 yang bekerja di-

Masjid Omar Ali Saifuddin ada-lah di-utamakan.

Gaji:

1. IMAM — \$240x10-340 \$350 x10-400 \$410x10-480.
2. KHATIB — \$200x10-300 — \$310x10-400.
3. BILAL — \$180x10-380.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat daripada 4 Februari, 1966. Permohonan2 yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-layan.

PENOLONG JURURAWAT PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari calon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat DYMM Sultan untuk jawatan sebagai Penolong Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2 — Pemohon2 mesti-lah belum kahwin dan berumur lebih dari 18 tahun. Mereka hendak-lah lulus Form I Inggeris, atau darjah VI Melayu dan tahu berbahasa Inggeris serba sedikit.

Sukatan Gaji — Penolong Jururawat Perchubaaan: \$183x7 - 204.

Penolong Jururawat Terlateh: \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300.

Penolong Jururawat Kanan: \$290x20 - 370 - 380.

Alaon — Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa latehan. Sebagai tambahan, alaon chatuan sebanyak \$35 sa-bulan akan di-bayar semasa dalam tempoh perchubaaan.

Perchubaaan — Tempoh perchubaaan lazim-nya ia-lah selama 2 tahun.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

PENOLONG JURUTERA AYER

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Penolong Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus pepereksaan "Institution of Civil Engineers" Bahagian I dan II, atau mempunyai ijazah kejuruteraan atau diploma yang membebaskan dari pepereksaan yang tersebut di-atas, dari sa-buah Universiti atau maktab yang di-akui.

Setelah memperolehi kelayakan yang tersebut, calon2 mesti-lah memperolehi pengalaman selama tidak kurang dari dua tahun (tambahan kepada pengalaman professional yang lain) dalam kerja pembekalan ayer moden, sama ada dalam bidang pengelolaan dan memelihara, berkaitan dengan pembekalan ayer kepada awam.

Umur mesti-lah tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan

berbahasa Melayu ada-lah satu ke-utamaan.

Gaji: Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020x40-1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1966.

AHLI2 PULIS BARU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang di-Bawah Naongan British peranan

Brunei untuk berkhidmat sebagai Pulis Baru dalam Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dengan syarat mereka mempunyai keperluan2 berikut:—

PENJAGA DI-PEJABAT SEKOLAH GAMBAR

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada calon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penjaga dalam Pejabat Sekolah Gambar, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Calon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun;
- (b) Keutamaan akan di-beri

kapada calon2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan Sekolah Gambar, Brunei, di-Kota Batu.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183x7 - 211-220 x 10-260-280-290 - 300.

Permohonan2 mestilah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 29 Januari, 1966.

Pelajaran — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris.

Umur — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2-nya 5 kaki 2 inci.

Dada — Sekurang2-nya 31 inci bila tidak menarek nafas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji — \$160 sa-bulan.

Calon2 yang berjaya mesti-lah bersetuju menjalani latehan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah, Brunei atau Penaga. Borang2 yang sudah di-penohkan hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 23 Januari, 1966.

PENGETUA SEKOLAH UGAMA MENENGAH (ARAB)

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengetua Sekolah Ugama Menengah (Arab) Hassan al-Bolkiah, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Umur di-antara 30 hingga 45 tahun;
- (b) Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- (c) Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidikan tidak kurang dari 5 tahun;

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji—Dalam sukatan gaji \$1020 x40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan—Kontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui jika kedua2 pihak bersetuju.

Baksis—Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tambang—Tambang kapal laut

kelas pertama akan di-adakan dari tempat lantekan ka-Brunei bagi calon yang berjaya, isteri-nya dan hingga tiga orang anak yang berumur tidak lebih dari 18 tahun. Tambang yang serupa ka-tempat pengambilan akan di-beri sa-telah tamat kontrek yang memuaskan.

Chuti—Chuti selama 4 hari sa-bulan jika di-lantek itu berumur di-bawah 40 tahun dan 5 hari sa-bulan jika yang di-lantek itu berumur lebih dari 40 tahun pada tarikh lantekan.

Rumah—Rumah, kalau ada, termasuk perkasas rumah yang berat akan di-adakan dengan

di-kenakan sewa sebanyak 10% dari gaji sa-bulan dan tidak pula lebih dari \$120 sa-bulan.

Chukai Pendapatan—Pada masa ini tidak ada di-kenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setiausaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

JAWATAN JAWATAN KOSONG

PEMBANTU TEKNIK KANAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pembantu Teknik Kanan di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Lulus Form IV Inggeris atau yang sebanding dengan-nya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.
- Mempunyai kelulusan yang di-akui seperti "City and Guilds Intermediate Certificate in Civil Engineering". Kelulusan yang serupa dengan itu boleh di-pertimbangkan. Sijil yang menunjukkan bahawa chalon2 telah menamatkan kursus "Civil Engineering" selama satu tahun dengan memuaskan boleh di-pertimbangkan. Selain dari kelayakan teknikal, chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal dalam "Civil Engineering".
- Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan teknikal tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam Pengawasan semua kerja "Civil Engineering" boleh di-pertimbangkan sebelum mendapat kelulusan yang di-perlukan.

Gaji: Dalam sukatan \$520-540x 30-840 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Berkontrek selama tiga tahun termasuklah masa perhubungan bagi tempoh enam bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan, akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas

satu tempoh perhubungan selama tiga tahun.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha

Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Januari, 1966.

JURURAWAT2 PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Jururawat Perchubaa di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah meningkat umur 18 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengan-nya. Pemohon2 akan di-kehendaki mempunyai sijil sehat tuboh badan.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaaan E.1-2 \$183x7-211-220x10-240. Gaji permulaan bergantung pada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh D(a) 1-\$350-370-380.

Sharat2 Lantekan:

- Pemohon2 yang di-pileh akan menjalani latehan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazimnya latehan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak di-te-

tapkan sebagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan Brunei.

- Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaaan akan menerima alaon Dho-bi dan Alaon Makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

POSMEN DI-TEMBURONG, SERIA DAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 Posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Temburong, Setia dan Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah VII Sekolah Melayu.
- Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.2 F.2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200/211-220-230-240. Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Januari, 1966.

GURU SEKOLAH ARAB

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwat Agama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umur di-antara 30 hingga 45 tahun;
- Memegang Ijazah dari mana2 University Islam yang di-akui atau pun pemegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;
- Orang yang mempunyai Diploma Pendidikan ada-lah di-utamakan;
- Keutamaan ada-lah di-beri kepada orang2 yang ber-pengalaman dalam dunia pendidikan.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$570x30-900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Kontrek selama tiga tahun dalam mana tempoh enam bulan yang pertama ada-lah dalam perhubungan. Kontrek boleh di-baharui jika kedua2 belah pehak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai dengan tambang, rumah, chuti dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Januari, 1966.

TUKANG

KEBUN/PEMBERSEH

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei bagi jawatan2 sebagai Tukang Kebun/Pembersehan dalam Jabatan Pulis.

Gaji — sukatan gaji F.1 - 2 - 3 - 4 - 5 = \$143x3 - 158 - 160 - 180.

Chuti — Chuti dan tambang ada-lah mengikut sharat2 Kerajaan yang ada sekarang.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 23 Januari, 1966.

PEGAWAI LUAR PERTANIAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Pegawai Luar Pertanian di-Pejabat Pertanian, Brunei. (4 jawatan).

Kelayakan2: — Mesti-lah lulus sijil (Rendah) dari Maktab Pertanian Serdang, Malaya atau kelulusan yang sebanding

dengan-nya.

Gaji — Dalam sukatan \$190x7 - 211 - 220x10 - 260/BAR/290x20 - 370 380x20 - 520.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

Pegawai2 Baru B.L.T.A.

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Persatuan Tennis yang menggabungkan Kelab2 Tennis di-Negeri Brunei telah di-tubuhkan baru2 ini.

Persatuan itu ia-lah "Brunei Lawn Tennis Association". Pendaftaran-nya pun sudah di-luluskan oleh pehak yang berkuasa baru2 ini.

Kelab2 Tennis yang menjadi anggota2 "Brunei Lawn Tennis Association" itu ia-lah Brunei Tennis Club, Bandar Brunei; Shell Recreation Club, Setia dan

Panaga Club, Setia.

Pegawai2 Brunei Lawn Tennis Association yang telah di-lantek untuk tahun 1966 ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua — Awang B.C. Cartland. Naib Yang Dipertua — Awang S. J. Pereira. Setia Usaha — Awang Barnabas Chia. Penyimpan Wang — Awang R. W. Glass. Jawatan Kuasa Pertandingan2 Tennis — Awang N. S. Blem. Awang Barnabas Chia dan Awang Thomas Chia.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Januari hingga ka-hari Selasa 18 Januari, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
	12	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
	13	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
	14	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
	15	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
	16	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
	17	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
	18	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Majlis Nuzul Al-Koran Memperolehi Sambutan

BANDAR BRUNEI. — Majlis Sambutan Nuzul Al-Koran, anjoran Badan Penerangan Ugama Islam Brunei telah di-langsungkan di-Lagoon, Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam Ahad yang lalu dan di-teruskan hingga ka-jam 1.15 pagi.

Beberapa orang Putera2 dan Puteri2 Diraja ia-lah di-antara para hadhirin di-majlis tersebut.

Oleh kerana hujan, sa-bahagian dari achara2 telah di-jalankan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Persembahan2 Tablo dan Nashid telah di-adakan di-Lagoon Masjid.

Pada keseluruhan-nya majlis itu telah di-jalankan dengan baik dan terator pada sa-panjang masa dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Penuntut2 Brunei dari Kolej Islam Malaya, Pegawai2 dan Ahli2 Persatuan2 Belia dan Badan2 Persekolahan tempatan dan lain2-nya.

Majlis itu di-mulai di-Masjid Omar Ali Saifuddin dengan bacahan Al-Koran oleh Chegu Md. Tahir bin Ja'afar dan di-turuti dengan ucapan alu2an oleh Pengerusi Sambutan Nuzul Al-Koran, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak.

Kemudian Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, yang juga menjadi Penaong Majlis Sambutan tersebut, telah melafadzkan ucapan sambutan.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, selain daripada mengucapkan tahniah kepada penaja majlis tersebut, telah juga memberikan nasehat yang berfaedah kepada umat Islam di-Negeri Brunei bagi menjalankan amal ibadat yang saleh di-sapanjang bulan Ramadhan yang berbahagia ini.

Ustaz Awang Abdul Latiff bin Haji Hashim pu'a telah melafadzkan satu sharahan khas berkenaan dengan Nuzul Al-Koran di-mailis tersebut.

IKRAMAH ANAK ABU JAHAL

Sa-buah Tablo yang bermutu tinggi telah di-persembahkan di-temasha tersebut oleh Penuntut2 Brunei dari Kolej Islam Malaya

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Seluruh Negeri Brunei pada tahun ini akan di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 28 Januari.

Pada malam 29 Januari pula akan di-adakan temasha Aneka Ria Aidil Fitri mengandongi berbagai2 achara yang meriah.

Berita lanjut mengenai Pertandingan Bintang Radio tersebut akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu akan datang.

dengan bantuan Pegawai2 dan ahli2 Persatuan PERANGKAB.

Tablo itu, berjudul "IKRAMAH ANAK ABU JAHAL" telah di-arahkan oleh Awang Abdul Aziz Juned. Beliau telah dibantu oleh Awang Abdul Saman Kahar sebagai Penolong Pengarah.

KEPUTUSAN PERADUAN TAFSIR AL-KORAN

Seramai tujuh orang belia, terdiri dari 5 orang pemuda dan 2 orang pemuda telah mengambil bahagian dalam Peraduan Tafsir Al-Koran.

Pensharah2 tersebut ia-lah Wakil2 dari:

Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer (3PKA); Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Brunei (PERANGKAB); Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda Brunei

(BAKTI); Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei; Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan; Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei dan Persatuan Kampong Saba Brunei (PERKASA).

Pemenang2 peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Johan — Awang Metussin bin Timbang dari Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer (3PKA), mendapat 86½ markah.

Naib Johan — Dayang Asiah binti Siraj dari Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Brunei (PERANGKAB), mendapat 83½ markah.

Pemenang Ketiga — Awang Abdullah bin Md. Daud dari Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda Brunei (BAKTI), mendapat 81 markah.

Keputusan selanjut-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

Awang Md. Yusof bin Perak

dari Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei, mendapat 79 markah.

Dayang Latifah binti Haji Ya'akub dari Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei, mendapat 77½ markah.

Awang Mahmud Morsidi bin Osman dari Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, mendapat 77 markah.

Awang Bungsu bin Pudir dari Persatuan Kampong Saba Brunei (PERKASA), mendapat 76½ markah.

Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah di-menangi oleh Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer (3PKA).

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut.

Peraduan Bahath Asterawani

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) akan mengadakan Peraduan Bahath bagi kali yang kedua terbuka kepada Persatuan2, Kelab2 Belia, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah di-seluruh Negeri Brunei.

Peraduan Bahath tersebut akan di-bahagikan kepada dua peringkat, ia-itu Peringkat Daerah dan Negeri.

Pasokan2 yang sudi hendak mengambil bahagian dalam Peraduan Bahath tersebut silalah berhubung dengan Setia Usaha Agong ASTERAWANI, d/a Peti Surat 434, Bandar Brunei, sa-belum 15 Januari, 1966.



Libat-lah bagaimana gagah-nya "perwira2" ini "berjuang" di-antara satu dengan lain dalam Tablo berjudul "Ikramah Putera Abu Jahl" yang telah di-persembahkan oleh Penuntut2 Kolej Islam Malaya dengan bantuan Pegawai2 dan ahli2 Persatuan PERANGKAB di-temasha Sambutan Nuzul Al-Koran.

Temasha itu telah di-adakan di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei di-kawasan Lagoon, Masjid Omar Ali Saifuddin. Bandar Brunei pada malam 8 Januari 1966, dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan para penonton.

QUARI2 DARI R.A.B. TIBA DI-KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR. — Dua orang Quari yang terkenal dari Republik Arab Bersatu telah tiba di-Kuala Lumpur pada minggu lepas untuk mengahkinkan Pertandingan Membaca Al-Koran Antara Bangsa di-Stadium Merdeka pada minggu ini.

Mereka ia-lah Tuan Sheikh Kamil Yusof Al-Bahtimi dan Tuan Sheikh Taha Salim Abdul Hamid.



Dayang Aminan binti Siting, Johan Bacahan Al-Koran Bahagian Perempuan Seluruh Negeri Brunei bagi Tahun 1965/1385 kelihatan dalam gambar ini "Menerima Do'a Restu" daripada ibu-nya sa-belum

ia bertepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Juma'at yang lalu untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bacahan Al-Koran Antara Bangsa.